

03 SEP 2002

Muhyiddin-Puteri

MUHYIDDIN NASIHATKAN PUTERI UMNO ELAK PERTANDINGAN

KUALA LUMPUR, 3 Sept (Bernama) -- Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin hari ini menasihatkan Puteri Umno supaya menerapkan sifat bertolak ansur bagi mengelak perebutan jawatan dalam pemilihan Puteri pada 1 Nov.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna berkata sebagai sayap baru Umno, Puteri perlu matang dalam menangani sebarang keadaan pada pemilihan yang kali pertama diadakan itu.

"Puteri tidak perlu takut dengan kritikan luar dan boleh membentuk imej sendiri melalui prosedur yang telah ditetapkan oleh parti," katanya pada persidangan media selepas menerima kunjungan hormat barisan kepimpinan Puteri Umno yang diketuai oleh Azalina Othman Said.

Muhyiddin berkata beliau tidak pernah menyarankan supaya tiada pertandingan dalam Puteri kerana Umno mengamalkan sikap demokrasi dalam pemilihan ketua.

"Saya tidak pernah melarang atau berkata jangan ada pertandingan, kerana orang akan tanya apa tujuan diadakan peruntukan pertandingan?," katanya.

"Bagi saya dalam menentukan pucuk pimpinan, ia tidak semestinya melalui pertandingan. Ia boleh dilakukan secara perundingan atau musyawarah.

"Yang penting bukan siapa yang akan jadi ketua, tetapi bagaimana hendak mengajak generasi muda terus menyokong parti," kata beliau.

Mengenai pengundi hantu di kawasan DUN Anak Bukit pada pilihan raya kecil baru-baru ini, beliau berkata Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad telah mengarahkan barisan pimpinan parti menjalankan tugas dengan lebih serius.

"Pada mesyuarat Majlis Tertinggi (Umno) yang lepas, Presiden telah menyatakan perkara itu bukan sahaja perlu diberi perhatian oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), tetapi juga parti.

"Pimpinan di peringkat bahagian harus membuat siasatan dan menyemak daftar pengundi yang dikeluarkan oleh SPR di setiap kawasan pilihan raya, sama ada telah bertambah atau semakin berkurangan," kata beliau.

--BERNAMA

ZMN ZS ZB